

Praktis

▶▶▶▶▶▶

2**BAB 2****Sistem Pemerintahan dan Kegiatan Ekonomi Masyarakat Kerajaan Alam Melayu**

Hal. Buku Teks: 24 – 37

Bagian A

Jawab semua soalan.

- Apakah sistem pemerintahan beraja yang diamalkan oleh kerajaan Alam Melayu yang masyhur?
 - Pusat dan kota
 - Pusat dan wilayah
 - Kota dan kampung
 - Bandar dan kampung
- Apakah gelaran yang digunakan oleh raja-raja Funan?
 - Yuvaraja
 - Cakravatin
 - Pradartuan
 - Maharaja
- Di dalam kerajaan Funan, siapakah yang layak menggunakan gelaran Raja Kecil?
 - Raja Muda
 - Pembesar diraja
 - Penasihat diraja
 - Putera-putera raja
- Pada peringkat wilayah, Champa dibahagikan kepada lima wilayah utama. Antara berikut yang manakah di bawah wilayah yang dimaksudkan?
 - Kawadanan
 - Pakuwuan
 - Indrapura
 - Amaravati
 - I dan II
 - I dan IV
 - II dan III
 - III dan IV
- Raja-raja dalam kerajaan Angkor menggunakan gelaran Dewaraja. Siapakah yang memegang kuasa kedua dan ketiga terpenting dalam kerajaan tersebut?
 - Permaisuri dan Raja Muda
 - Bendahara dan Raja Muda
 - Bendahara dan Permaisuri
 - Permaisuri dan Perdana Menteri
- Dalam sistem pemerintahan kerajaan Majapahit, raja dibantu oleh Sapta Prabu dan para pembesar. Apakah yang dimaksudkan dengan Sapta Prabu?
 - Perdana Menteri
 - Pegawai keselamatan
 - Majlis Penasihat Diraja
 - Para-para pembesar diraja
- Apakah kelebihan Tasik Tonle Sap dalam kerajaan Angkor?
 - Sumber air harian penduduk
 - Mengairi kawasan padi sawah
 - Membekalkan sumber protein
 - Sumber minuman kepada penduduk
- Siapakah yang bertanggungjawab untuk menyelenggara terusan dan daik di setiap kampung dalam kerajaan Champa?
 - Menteri
 - Ketua Air
 - Ketua kawasan
 - Ketua kampung
- Dalam kerajaan Majapahit, Pulau Jawa mempunyai tanah yang subur untuk kegiatan pertanian. Dari manakah sumber air diperoleh?
 - Sungai Solo
 - Sungai Musi
 - Sungai Tonle Sap
 - Sungai Bengawan Solo

10. Apakah tanaman lain yang turut ditanam di dalam kerajaan Alam Melayu?

- A Tebu
- B Durian
- C Jagung
- D Rambutan

11. Gambar berikut merupakan salah satu tanaman yang ditanam di Alam Melayu, iaitu bunga cengkih.



Di manakah tanaman ini ditanam?

- A Jawa
- B Sumatera
- C Pulau Banda
- D Kepulauan Maluku

12. Mengapakah padi menjadi tanaman utama penduduk Alam Melayu dalam kegiatan pertanian?

- A Makanan ruji
- B Mudah didapati
- C Karbohidrat yang baik
- D Cepat mengenyangkan

13. Gambar berikut merupakan contoh suasana di pelabuhan Alam Melayu.



Barang yang berikut didagangkan di pelabuhan Oc Eo dalam kerajaan Funan kecuall

- A Damar
- B Gaharu
- C Rumpai laut
- D Kapur barus

14. Pelbagai jenis barang didagangkan oleh kerajaan Angkor seperti gaharu, buah pelaga, lilin lebah dan sebagainya. Apakah nama pelabuhan yang terkenal di Angkor?

- A Maliti
- B Tuban
- C Palembang
- D Yasodharapura

15. Apakah contoh barang yang didagangkan oleh pedagang-pedagang China?

- I Kain kapas
- II Pinggan
- III Tembikar
- IV Akik
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

16. Maklumat berikut berkaitan aktiviti perdagangan luar bagi kerajaan Alam Melayu.

Pedagang dari Arab dan Parsi bukan sahaja memperdagangkan barangan mereka seperti tembikar dan minyak wangi. Mereka turut membeli barangan daripada Alam Melayu.

Apakah contoh barang yang dibeli oleh pedagang Arab dan Parsi?

- A Sutera
- B Gaharu
- C Kayu wangi
- D Kapur barus

17. Gambar berikut merupakan kain sutera yang sangat terkenal dalam kalangan pedagang China.



Selain digunakan untuk membuat pakaian, apakah kegunaan lain kain sutera ini?

- A Pesta keraian
 - B Warkah diraja
 - C Perayaan diraja
 - D Istiadat perkahwinan diraja
18. Antara hasil hutan yang didapati di Alam Melayu ialah gaharu.



Di manakah gaharu ini boleh didapati di Alam Melayu?

- A Hutan Vietnam
- B Hutan Sungai Mekong
- C Hutan Sungai Kelantan
- D Hutan pesisiran pantai

19. Gambar berikut merupakan hasil laut yang diperoleh dalam kerajaan Alam Melayu.



Apakah kegunaan hasil laut tersebut?

- A Pewangi
 - B Makanan
 - C Perhiasan
 - D Perubatan
20. Kegiatan pembuatan turut dilakukan oleh masyarakat kerajaan Alam Melayu. Kerajaan manakah yang mahir dalam pembuatan tembikar?
- A Kerajaan Funan
 - B Kerajaan Angkor
 - C Kerajaan Champa
 - D Kerajaan Gangga Nagara